



Bab 5 Hidupan Liar di
Malaysia

Kegiatan Manusia yang Mengancam Hidupan Liar di Malaysia

Pembalakan

- Kegiatan pembalakan menyebabkan kawasan hutan yang luas ditebang dan sumber hutan berkurangan.
- Hidupan liar kehilangan habitat semula jadi, tempat pembiakan dan sumber makanan.
- Pelbagai spesies hidupan liar seperti orang utan, harimau Malaya, tapir, beruang matahari dan burung raja udang diancam kepupusan.



Pengkuarian

- Aktiviti letupan bongkah batu di kawasan kuari menghasilkan bunyi bising yang mengganggu ketenteraman hidupan liar.
- Aktiviti pengkuarian juga memusnahkan habitat semula jadi pelbagai jenis hidupan liar.
- Hidupan liar terpaksa berhijrah untuk mencari habitat baharu yang lebih selamat untuk membiak dan berlindung.



Pertanian

- Penerokaan hutan untuk kegiatan pertanian ladang menyebabkan kepupusan hidupan liar.
- Kemasuhan pelbagai spesies tumbuh-tumbuhan menyebabkan hidupan liar kehilangan habitat semula jadi dan sumber makanan.
- Hidupan liar terpaksa berhijrah keluar dari kawasan asal untuk mencari kawasan perlindungan yang baharu.
- Hidupan liar menghadapi ancaman kepupusan kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.



Pengangkutan dan Perhubungan

- Penebangan hutan untuk aktiviti pengangkutan menyebabkan hidupan liar kehilangan habitat semula jadi untuk berlindung, sukar memperoleh makanan serta sukar mencari pasangan untuk pembiakan.
- Hidupan liar yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu akan mati dan mengalami kepupusan.

